

Tarikh Dibaca: 10 Zulhijjah 1447H / 27 Mei 2026



KHUTBAH EIDULADHA

Tajuk:

***“EIDULADHA:
IMAN DAN PENGORBANAN”***

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

"EIDULADHA: IMAN DAN PENGORBANAN"

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا،
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ، وَلَوْ كَرِهَ
الْكَافِرُونَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدُهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ
وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ
الْحَمْدُ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ: فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ قَالَ يَبْنَئِي إِنِّي أَرَى فِي
الْمَنَامِ أَنِّي أَذْبَحُكَ فَانْظُرْ مَاذَا تَرَى قَالَ يَتَأَبَّتْ أَفْعَلُ مَا تُؤْمَرُ
سَتَجِدُنِي إِنْ شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ.¹

¹ Al-Saffat: 102.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ².

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat.

Pada pagi hari yang mulia ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk "**EIDULADHA: IMAN DAN PENGORBANAN**".

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

² Ali 'Imran: 102.

Muslimin dan Muslimat yang dikasihi Allah SWT,

Allahu Akbar! Itulah lafaz agung yang membesarkan Allah SWT, bergema menghidupkan syiar Islam serta menyuburkan rasa kehambaan dalam jiwa orang-orang yang beriman. Lafaz takbir Eiduladha yakni takbir *muqayyad* disunatkan bermula selepas solat Subuh pada 9 Zulhijjah sehingga selepas solat Asar pada 13 Zulhijjah.

Antara amalan yang dianjurkan pada hari yang mulia ini ialah menghidupkan malamnya dengan ibadah, mandi sunat Eiduladha, memakai pakaian yang bersih dan indah, mengenakan wangian bagi lelaki, hadir awal ke masjid, pergi dan pulang melalui jalan yang berbeza, menunaikan solat sunat Eiduladha serta melaksanakan ibadah korban dengan penuh keikhlasan semata-mata kerana Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Kauthar ayat 2:

فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحَرْ .

"Maka dirikanlah solat kerana Tuhanmu semata-mata dan sembelihlah korban (sebagai tanda bersyukur)."

Perjalanan Eiduladha ini turut direkodkan dalam hadis yang diriwayatkan daripada Al-Barra' bin 'Azib *Radiallahuanhu*, Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ أَوَّلَ مَا نَبْدَأُ بِهِ فِي يَوْمِنَا هَذَا نُصَلِّي ثُمَّ نَرْجِعُ فَنَنْحَرُ فَمَنْ
فَعَلَ ذَلِكَ فَقَدْ أَصَابَ سُنَّتَنَا وَمَنْ ذَبَحَ قَبْلُ فَإِنَّمَا هُوَ لَحْمٌ
قَدَّمَهُ لِأَهْلِهِ لَيْسَ مِنَ النُّسُكِ فِي شَيْءٍ

"Sesungguhnya perkara pertama yang kami mulakan pada hari ini ialah menunaikan solat (Eiduladha), kemudian kami pulang lalu menyembelih korban. Sesiapa yang melakukan demikian, maka dia telah menepati sunnah kami. Dan sesiapa yang menyembelih sebelum solat, maka sembelihannya hanyalah daging yang diberikan kepada keluarganya dan tidak dikira sebagai ibadah korban."

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin Muslimat yang berbahagia,

Jangan kita lupa mengambil pengajaran daripada kisah agung pengorbanan Nabi Ibrahim *Alaihissalam* dan anaknya Nabi Ismail *Alaihissalam*. Ketika Nabi Ibrahim *Alaihissalam* menerima perintah Allah SWT melalui mimpi supaya menyembelih anak kesayangannya, Baginda melaksanakannya dengan penuh taat tanpa ragu-ragu. Begitu juga Nabi Ismail *Alaihissalam* yang menerima perintah tersebut dengan hati yang sabar dan penuh ketaatan kepada Allah SWT. Kedua-duanya memperlihatkan tahap keyakinan tertinggi dalam melaksanakan perintah Allah SWT dengan penuh keimanan dan kepatuhan.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Saffat ayat 102 yang bermaksud:

"Maka, tatkala anaknya itu sampai (ke peringkat umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-sama dengannya, Ibrahim berkata, "Wahai anak kesayanganku, sesungguhnya aku bermimpi bahawa aku akan menyembelihmu, maka fikirkanlah bagaimana pendapatmu!" Dia menjawab, "Wahai ayahku, jalankanlah apa-apa yang diperintahkan kepadamu! Insya-Allah, kamu akan mendapati aku termasuk dalam golongan orang yang sabar".

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin Muslimat yang dimuliakan,

Ketahuiilah, ibadah korban bukan sekadar penyembelihan haiwan dan bukan juga sekadar penyertaan dalam ibadah korban semata-mata. Hakikat pengorbanan yang sebenar adalah apabila seorang hamba menjadikan seluruh hidupnya tunduk dan patuh kepada Allah SWT. Daripada roh pengorbanan inilah lahirnya keikhlasan yang tulus serta ketaatan yang sebenar kepada Allah SWT.

Sesungguhnya, orang yang benar-benar hidup dengan roh pengorbanan kerana Allah SWT akan sanggup meletakkan hak Allah SWT mengatasi segala-galanya. Dia sanggup mengorbankan masa, tenaga, harta dan juga kepentingan peribadi demi mencari reda Allah SWT di samping berkhidmat demi agama dan kepentingan umat.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Haj ayat 37:

لَنْ يَنَالَ اللَّهَ لُحُومُهَا وَلَا دِمَاؤُهَا وَلَكِنْ يَنَالُهُ التَّقْوَىٰ مِنْكُمْ
كَذَٰلِكَ سَخَّرَهَا لَكُمْ لِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَيْكُمْ وَبَشِّرِ
الْمُحْسِنِينَ.

“Daging-daging unta dan darahnya itu sekali-kali tidak dapat mencapai keredhaan Allah, tetapi ketakwaan daripada kamulah yang dapat mencapainya. Demikianlah Allah telah menundukkannya untuk kamu supaya kamu mengagungkan Allah terhadap hidayah-Nya kepada kamu. Dan berilah khabar gembira (dengan balasan yang sebaik-baiknya) kepada orang yang berbuat baik”.

Jika kita faham ayat ini, jelas bahawa ibadah korban bukan sekadar menyembelih haiwan. Makna tersiratnya mahu mendidik hati kita supaya jadi hamba yang bertakwa. Apa yang Allah SWT lihat bukan hanya “apa yang kita buat di luar”, tetapi juga apa yang ada dalam hati, sama ada ikhlas atau tidak, tunduk atau tidak kepada Allah SWT. Apabila takwa ini hidup dalam diri, ia pasti akan diterjemah dalam bentuk akhlak dan tindakan kita seharian.

Oleh sebab itu kita lihat, orang yang betul-betul faham erti korban ini akan jadi orang yang lebih prihatin. Dia tidak mengutamakan kepentingan diri sendiri, sepertimana ibu bapa yang sanggup berkorban masa, tenaga dan wang semata-mata mahu besarkan anak-anak dengan baik. Itu semua tanda kasih sayang yang sangat besar. Sebagai anak, jangan pula kita lupa jasa pengorbanan itu. Balaslah dengan hormat, mendengar kata, menjaga

hati mereka, dan sentiasalah mendoakan kebaikan buat mereka. Itu pun sebahagian daripada takwa dalam kehidupan kita.

Begitu juga, di sebalik falsafah ibadah korban ini lahir hamba-hamba Allah SWT yang benar-benar hidup dengan roh pengorbanan. Mereka sanggup mengorbankan masa bersama keluarga demi menunaikan amanah dan tanggungjawab yang dipikul. Mereka terus istiqamah dalam dakwah kepada masyarakat, demi menjaga agama, akidah dan pemikiran umat. Segala kepayahan ditempuh dengan penuh reda, kerana mereka yakin bahawa susah dan senang, semuanya datang daripada Allah SWT.

Berkorban kerana Allah SWT juga dapat kita lihat ketika berlakunya bencana dan musibah. Pada saat itu, wujud hamba-hamba Allah SWT yang sanggup meninggalkan keselesaan hidup demi membantu orang lain. Mereka berdepan dengan pelbagai risiko seperti keletihan malah kemungkinan jangkitan penyakit, namun tetap terus berkhidmat dengan penuh tanggungjawab. Segala cabaran itu tidak mematahkan semangat mereka, kerana mereka sedar amanah kepada agama, ummah dan negara lebih besar daripada kepentingan diri sendiri.

Ini bertepatan dengan hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radiallahuanhu* bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Siapa yang membebaskan seseorang dari kesusahan dunia maka Allah akan melepaskannya dari kesusahan hari kiamat. Siapa yang memudahkan orang yang dalam kesusahan maka Allah akan memudahkannya di dunia dan akhirat. Siapa yang menutup aib saudaranya yang Islam maka Allah akan menutup aibnya di dunia dan akhirat. Allah akan membantu seseorang hamba selagimana hamba itu membantu saudaranya."
(Riwayat Muslim).

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin Muslimat yang dirahmati Allah SWT,

Di Tanah Suci, seluruh umat Islam berhimpun tanpa mengira pangkat dan darjat, semuanya sama di hadapan Allah SWT, semuanya tunduk kepada Tuhan yang satu. Di situlah lahir kesatuan hati, terjalin ukhuwah dan terteguh perpaduan umat. Lebih jelas lagi ketika wukuf di Arafah, apabila raja dan rakyat, kaya dan miskin, semuanya berdiri di tempat yang sama, dengan tujuan yang sama mengabdikan diri kepada Allah SWT. Pada saat itu, hati menjadi lembut, jiwa menjadi tunduk, dan rasa persamaan sesama Muslim benar-benar hidup dalam jiwa.

Ketika melontar di jamrah, jelas melambangkan penolakan terhadap godaan syaitan dan segala tipu dayanya, tanda ketaatan yang tidak berbelah bahagi kepada Allah SWT. Manakala sa'i antara Safa dan Marwah mengajar erti usaha, kesabaran dan tidak mudah berputus asa dalam melaksanakan perintah Allah SWT.

Justeru itu, ibadah korban dan ibadah haji ini mengajar kita erti pengorbanan yang membentuk kekuatan ukhuwah, membina umat yang teguh menghadapi cabaran dan mampu mempertahankan maruah serta kesucian Islam. Jangan kita biarkan musuh-musuh Islam memperkotak-katikan umat ini sehingga kita berpecah-belah, lemah sesama sendiri dan hilang arah dalam mempertahankan agama Allah SWT.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin Muslimat yang diraikan,

Mengakhiri khutbah pada Hari Raya Eiduladha ini, mari kita mengambil pengajaran berikut untuk dijadikan pedoman dalam kehidupan seharian kita:

1. Umat Islam hendaklah yakin bahawa Eiduladha bukan sekadar perayaan dan sembelihan korban semata-mata, tetapi ia juga memberi mesej bahawa setiap kejayaan dalam melakukan ketaatan kepada Allah SWT, memerlukan kepada usaha dan pengorbanan yang berterusan daripada seorang hamba.

2. Umat Islam hendaklah menghayati Kisah Nabi Ibrahim *Alaihissalam* dan Nabi Ismail *Alaihissalam* yang mengajar erti pengorbanan, keikhlasan dan ketaatan yang mampu melahirkan insan yang bertakwa serta bersatu hati dalam mentaati perintah Allah SWT.

3. Umat Islam hendaklah melaksanakan setiap ibadah dengan ikhlas kerana Allah SWT agar dapat meraih rahmat dan kurnia-Nya, serta memperoleh kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
قُلْ بِفَضْلِ اللَّهِ وَبِرَحْمَتِهِ فَبِذَلِكَ فَلْيَفْرَحُوا هُوَ خَيْرٌ مِمَّا يَجْمَعُونَ.

"Katakanlah (wahai Muhammad), "Kedatangan al-Quran itu adalah semata-mata dengan limpah kurnia Allah dan kasih sayang-Nya, maka dengan isi kandungan al-Quran itulah hendaknya mereka bersukacita (bukan dengan yang lainnya), kerana ia lebih baik daripada apa-apa yang dihipunkan oleh mereka (daripada segala benda dan perkara yang tidak kekal)."

(Surah Yunus: 58).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ
مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

KHUTBAH KEDUA

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ
اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى إِحْسَانِهِ وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَى تَوْفِيقِهِ
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .
أَمَّا بَعْدُ فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَأَيَّايَ بِتَقْوَى
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ .
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ ۖ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ³.

³ Ali 'Imran: 102.

Muslimin Muslimat yang diberkati Allah SWT,

Seorang Muslim tidak hidup sekadar mengikut arus masa, tempat dan keadaan. Sebaliknya, hidupnya dipandu oleh iman dan kesediaan untuk berkorban kerana Allah SWT dalam apa jua keadaan, sehingga dia memiliki arah dan pegangan yang jelas dalam hidupnya.

Al-Quran sebagai panduan utama menegaskan bahawa hidupnya manusia itu adalah untuk beribadah kerana Allah SWT semata-mata. Tanpa sebarang keraguan, kita sebagai umat Islam wajib menjunjung dan berpegang teguh kepada al-Quran dan al-Sunnah kerana itulah sumber kebenaran yang memperteguh kesejahteraan hidup umat manusia.

Dalam kehidupan ini, bukan alatan canggih yang menjadi ukuran, bukan kemuliaan dunia yang dikejar, dan bukan bilangan harta atau anak-anak yang dibanggakan, tetapi yang paling utama ialah nilai iman kepada Allah SWT dan Rasul-Nya serta semangat untuk berkorban demi agama Islam yang satu-satunya Allah SWT reda.

Sekiranya umat Islam memiliki segala nikmat kehidupan, tetapi tidak disertai dengan iman yang kukuh, maka pincanglah kehidupan, longgarlah perpaduan dan hilanglah arah tujuan. Namun apabila iman menjadi asas yang teguh, maka lahirlah pengorbanan yang pasti membawa manfaat buat umat, sehingga wujudnya kesatuan yang erat, serta mendatangkan keberkatan dalam kehidupan umat seluruhnya.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.⁴

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ
وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَةَ الْمُسْلِمِينَ وَوُلاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعْدَ بَعْدِ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا
الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ أَدْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ
الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ

⁴ Al-Ahzab: 56.

وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدٍ سَلَاطُورُ، تَغْكُو أَمِيرَ شَاهِ ابْنِ
السُّلْطَانِ شَرْفُ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ
وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ
عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوظَّفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Rahmatilah dan peliharalah para jemaah haji yang menjadi tetamu Allah (Duyufurrahman) pada tahun ini. Hindarilah mereka daripada segala kesulitan dan kepayahan, sepanjang keberadaan mereka di bumi Mekah dan Madinah.

اَللّٰهُمَّ اجْعَلْ حَجَّهُمْ حَجًّا مَبْرُورًا، وَسَعْيَهُمْ سَعْيًا مَشْكُورًا،
وَذَنْبَهُمْ ذَنْبًا مَغْفُورًا، وَتِجَارَتَهُمْ تِجَارَةً لَّنْ تَبُورَ.

Ya Allah! Jadikanlah ibadah haji mereka ibadah haji yang mabrur, sa'i mereka sa'i yang diterima, dosa mereka dosa yang diampun, perbelanjaan mereka perbelanjaan yang tidak merugikan, wukuf mereka wukuf yang penuh keinsafan, dan kembalikanlah mereka ke tanah air dalam keadaan selamat, sihat wal afiat serta dipenuhi keberkatan.

Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Peliharalah negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Kurniakanlah

kepada kami pemimpin yang amanah, jujur dan tegas dalam menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

Ya Allah! Lindungilah umat Islam dan Masjid Al-Aqsa di Palestin. Peliharalah mereka daripada kezaliman dan kejahatan, serta kurniakanlah mereka ketabahan, kekuatan, dan kemenangan.

Ya Allah! kukuhkanlah akidah umat Islam di negeri ini, berteraskan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat *Radiallahuanhum* serta jauhkanlah kami daripada segala fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا.⁵
اللَّهُمَّ تَقَبَّلْ مِنَّا، وَاجْعَلْ هَذَا الْعِيدَ عِيدًا مُمْتَلِئًا بِالْخَيْرِ
وَالْبَرَكَاتِ وَالْمَغْفِرَةِ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.⁶
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.⁷

⁵ Al-Furqan: 74.

⁶ Al-Baqarah: 201.

⁷ Al-Nahl: 90.

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.